

FULVICIDE TABLET

Griseofulvin (500 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fulvicide Tablet
2. Bagaimana Fulvicide Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fulvicide Tablet
4. Cara menggunakan Fulvicide Tablet
5. Semasa menggunakan Fulvicide Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fulvicide Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Fulvicide Tablet

Fulvicide Tablet digunakan untuk merawat penyakit jangkitan kulit.

Bagaimana Fulvicide Tablet berfungsi

Antikulat mungkin berlaku pada kulit badan dan kepala, rambut dan kuku. Griseofulvin berfungsi membantu kulit, rambut dan kuku yang baru tumbuh untuk melawan serangan fungi. Tisu lama yang sudah terjangkit akan luruh semasa tisul baru (keratin) tumbuh.

Sebelum menggunakan Fulvicide Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap griseofulvin atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk).

- Sebelum mula menggunakan Fulvicide Tablet

Beritahu doktor anda jika:

- anda mengalami gangguan hati
- porfiri (sembelit atau cirit birit)
- Anda mempunyai masalah selepas mengambil ubat tertentu contohnya penisilin (antibiotik)

Mengandung dan menyusukan anak

- Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusu sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Fulvicide Tablet tidak disyorkan untuk digunakan semasa kehamilan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- Antikoagulan Coumarin
- Barbiturates seperti Primidone (antikulat)
- phenobarbitone (hilangkan kegelisahan)
- Doxercalciferol (untuk membantu mengekalkan tahap kesihatan buah pinggang daripada penyakit kronik)
- Phenylbutazone
- Ubat sedatif dan hipnosis lain (gangguan tidur) yang mendorong enzim metabolisme.
- Kontraseptif oral

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Fulvicide Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Ambil satu tablet setiap hari
Kanak-kanak melebihi 23 kg: setengah hingga satu tablet setiap hari

- Bila perlu digunakan

Ambil sekali atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Fulvicide Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Fulvicide Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil alkohol dengan griseofulvin kerana ia boleh menyebabkan *tachycardia*, *diaphoresis* dan *flushing*.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Fulvicide Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini jika mendapat nasihat daripada doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- gunakan kaedah kontraseptif alternatif atau tambahan semasa mengambil griseofulvin serentak dengan kontraseptif oral dan selama 1 bulan selepas menghentikan griseofulvin.
- Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa mengantuk, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.
- Systemic Lupus Erythematosus (SLE)

FULVICIDE TABLET

Griseofulvin (500 mg)

Kesan-kesan sampingan

Mereka yang memerlukan rawatan perubatan segera:

Insiden kurang kerap

- Kekeliruan
- hipersensitiviti (ruam kulit, gatal-gatal, atau gatal)
- sakit mulut (sakit atau kerengsaan mulut atau lidah)
- fotosensitiviti (peningkatan sensitiviti kulit kepada cahaya matahari)

Insiden jarang berlaku

- lebih kerap dengan penggunaan yang berpanjangan dan/atau dos yang tinggi
- Granulocytopenia atau leukopenia (sakit tekak dan demam)
- hepatitis (mata kuning atau kulit) neuritis perifer (kebas, kesemutan, sakit, atau kelemahan pada tangan atau kaki)

Mereka yang memerlukan rawatan perubatan berterusan:

Kejadian lebih kerap

- Sakit kepala

Insiden kurang kerap

- Pening
- tindak balas gastrousus (cirit-birit; loya atau muntah; sakit perut)
- insomnia (susah tidur)
- keletihan yang luar biasa

Seperti ubat-ubatan lain, Fulvicide Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Fulvicide Tablet

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang jauh daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat dan tidak berbau, berskor dua dan berwarna putih dengan T timbul pada satu sisi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Griseofulvin

- Bahan tidak aktif

croscarmellose sodium, magnesium stearate, corn starch, lactose, PVP K90

- Nombor MAL:

MAL19890222ACZ

Pengilang

TERAPUTICS SDN. BHD. (590500-W)

Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,

Lorong IKS Simpang Ampat B,

14100 Simpang Ampat, S.P.S.,

Pulau Pinang, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk dan Pengekar

ZONTRON PHARMACEUTICALS

SDN. BHD. (445695-T)

Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,

Lorong IKS Simpang Ampat B,

14100 Simpang Ampat, S.P.S.,

Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

20/02/2023

Nombor Siri

NPRA(R2/1)220825/941